



BERSIDANG: Antara ahli KESUMBA yang hadir secara dalam talian dalam Mesyuarat Agung Tahunan KESUMBA Kali Ke-24 yang dirasmikan oleh Taufiq.

## Komitmen KESUMBA menyantuni masyarakat perlu dicontohi

Oleh Yap Siong Han  
UB 21.07.2021 P. 03

**KOTAKINABALU:** Komitmen warga Kelab Surirumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) dalam melaksanakan pelbagai aktiviti menyantuni masyarakat wajar menjadi contoh.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, ini kerana mereka masih mampu menguruskan masa untuk melaksanakan aktiviti yang memberi manfaat tatkala sibuk dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

"Kesibukan tugas hakiki sebagai penjawat awam, isteri, ibu dan guru dalam mendidik anak sepanjang tempoh pandemik tidak menjadi halangan dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bagi warga UMS dan juga masyarakat setempat."

"Pelbagai usaha yang diigerakkan bagi menyantuni masyarakat jelas menunjukkan iltizam dan kecintaan dalam perkara yang disukai akan mendorong terhadap pengurusan masadengan efisyen bagi memastikan apa yang diingini akan diperoleh."

"Semoga usaha KESUMBA ini menjadi inspirasi masyarakat di luar sana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) KESUMBA Kali ke-24 yang berlangsung secara dalam talian melalui platform Cisco Webex.

Jelas Taufiq, aktiviti-ak-

tiviti yang dilaksanakan oleh KESUMBA mampu memberi impak yang positif sekali gus meningkatkan produktiviti ahli serta memperkasakan kaum wanita itu sendiri.

"Selaras dengan tema Sambutan Hari Wanita pada tahun ini iaitu 'Wanita Bangkit Mendepani Cabaran', diharapkan agar ahli KESUMBA akan sentiasa cekal, bersemangat dan kuat dalam mendepani apa jua cabaran yang mungkin datang."

"Ini adalah kerana anda merupakan sistem sokongan utama kepada suami dan anak-anak selain menjadi individu penting di universiti ini," katanya.

Beliau berharap agar KESUMBA akan terus maju dan dapat merealisasikan matlamat penubuhannya, yang antara lain berusaha meningkatkan imej dan nama baik universiti melalui jalinan kerjasama serta penganjuran aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli.

Terdahulu, Yang Dipertua KESUMBA, Datin Dr. Amalina Abdullah menjelaskan, sepanjang tempoh Ogos 2020 sehingga Julai 2021, KESUMBA telah melaksanakan sebanyak 24 aktiviti, yang merangkumi aspek kesihatan sama ada dari segi kesihatan mental dan fizikal, kerohanian, pengurusan kewangan di musim pandemik, pengurusan keluarga juga penjagaan haiwan dan tumbuhan.

KESUMBA juga katanya sentiasa komited dalam menjaga kebaikan ahli. Malah keprihatinan tersebut turut dipanjangkan kepada warga

UMS, pelajar dan masyarakat setempat.

"Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020, KESUMBA telah melancarkan KESUMBA CARE yang bertujuan untuk membantu mana-mana ahli KESUMBA yang memerlukan sumbangan sepanjang tempoh PKP."

"Selain itu, KESUMBA turut menyalurkan bantuan kepada golongan ibu tunggal dan anak orang kurang upaya (OKU), pelajar B40 dan rumah anak yatim," katanya.

Amalina turut memaklumkan sebanyak 91 penerima telah mendapat manfaat sejak KESUMBA CARE dilancarkan termasuk ahli yang ditimpu musibah seperti banjir, sakit atau keluarga meninggal, serta sumbangan kepada emam ahli KESUMBA yang telah bersara.

"Justeru, diharapkan barisan Exco KESUMBA 2021/2022 yang bakal dilantik dapat menjadi satu pasukan yang kuat dan terus menjadikan KESUMBA sebagai salah satu kelab yang sentiasa berada dekat di hati ahli dan masyarakat sekeliling," katanya.

Hadir sama pada MAT Kesumba secara atas talian Timbalan Yang Dipertua KESUMBA, Prof. Madya Dr. Suraya Sintang; Pengurus KESUMBA Kampus Antarabangsa Labuan, Loria Masi-dong; Pengurus KESUMBA Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan, Ruslili Norzahrah Hassan; dan pengurus MAT, Muhsijra Muchlis.